



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA RASMI
YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER MANUSIA
KE JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) terus komited memperkukuh sistem perburuhan negara melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI serta agenda pendigitalan perkhidmatan awam.

Sempena kunjungan hormat dan lawatan kerja rasmi **YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Menteri Sumber Manusia** ke JTKSM hari ini, beberapa inisiatif utama telah dibentangkan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperluas akses keadilan perburuhan dan menjamin kesejahteraan pekerja serta keharmonian hubungan perusahaan.

Mobile Labour Court

Pelaksanaan **Mobile Labour Court**, yang merupakan pendekatan baharu dalam memperluas akses perkhidmatan Mahkamah Buruh, khususnya kepada pekerja dan majikan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Inisiatif ini akan membantu **meningkatkan akses perkhidmatan Mahkamah Buruh** serta **menjimatkan masa dan kos perjalanan** kepada pekerja dan majikan, sekali gus memperkukuh penyampaian keadilan perburuhan di peringkat akar umbi.

Pemeriksaan Mahkamah Buruh melalui Sistem Perekodan Digital (SPD)

Selaras dengan dasar pendigitalan negara, JTKSM turut melaksanakan pemasangan **SPD** di Mahkamah Buruh bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan kes dan pengendalian prosiding perbicaraan. Sepanjang tahun 2026, SPD akan dipasang di enam buah Mahkamah Buruh, melibatkan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di **Ipoh, Alor Setar, Muar, Rawang, Kuantan dan Kuala Terengganu**. Pelaksanaan sistem ini dijangka dapat mempercepatkan prosiding perbicaraan, meningkatkan ketelusan serta memastikan pengurusan rekod kes buruh yang lebih sistematik dan efisien.

Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB)

Dalam usaha memodenkan penyampaian perkhidmatan perburuhan, JTKSM akan membangunkan **SPPB** bagi menggantikan kaedah sedia ada, iaitu **Labour Market Database (LMD)** yang telah beroperasi lebih daripada dua dekad. Pembangunan sistem baharu ini akan memanfaatkan teknologi terkini termasuk **Cloud Native Language, Kecerdasan Buatan (AI), AI Chat Bot, Analisis Data Raya (Big Data)** dan **Cloud Computing**.

Inisiatif ini bertujuan memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan kecekapan operasi jabatan serta menyokong **ease of doing business** dalam kalangan pemain industri.

Program Pendidikan Perburuhan

Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan pekerja, majikan dan pemegang taruh berkaitan hak dan tanggungjawab masing-masing selaras dengan standard, piawaian dan perundangan perburuhan negara. Pelaksanaan program ini dijangka dapat **meningkatkan tahap pematuhan terhadap undang-undang perburuhan**, mencegah pertikaian di tempat kerja serta mewujudkan hubungan perusahaan yang harmoni dan mampan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini mencerminkan komitmen berterusan JTKSM dalam memperkukuh sistem perburuhan negara yang moden, cekap dan berorientasikan rakyat.

TAMAT

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

7 Januari 2026